

24/07/1998

Pemimpin patut tunai tanggungjawab

Azizi Abdullah

ADA kalangan cerdik pandai yang sangat prihatin dengan masalah kejatuhan dan kemunduran umat Islam di negara kita ini berkata, kita tidak perlu lagi membuang masa untuk membincangkan sebab kejatuhan dan kemunduran ini. Sebaliknya mereka berpendapat kita memerlukan satu kaedah yang praktikal untuk mencapai matlamat ini. Kemudiannya kaedah yang paling masyhur yang telah diseru oleh ulama dan cerdik pandai Islam sejak bermulanya kejatuhan umat Islam diulangi iaitu dengan mengajak semua umat Islam kembali kepada al-Quran dengan hujah bahawa al-Quran itu sudah lengkap dan dengan al-Quran saja ada jalan penyelesaian.

Alangkah senangnya kaedah ini dan inilah yang ditulis oleh Kassim Ahmad yang saya kira masih berterusan menulis dan mengajak umat Islam supaya kembali kepada al-Quran. Bagaimanapun, senang dan mudah sesuatu kaedah tidaklah bererti mudah pula dilakukan. Maka dalam mudah ini terdapat kesukaran pula dan kesukaran itu bukan berpunca daripada umat Islam tetapi pemimpin negara Islam.

Di negara yang kita lihat kemunduran umat Islam berterusan bukan kerana kehilangan kaedah atau umat Islam itu mengambil jalan salah dalam pengajaran Islam, terutama jika kemunduran dan perpecahan ini daripada kalangan rakyat. Jika kita hendak berpegang kepada kaedah yang menyebabkan kemunduran dan kejatuhan umat Islam, kaedah itu sebenarnya cara dalaman yang semestinya kembali kepada persoalan pokok, iaitu bukan kita dan bukan umat tetapi pemimpin.

Kita tidak berani meletakkan kesalahan kaedah ini terhadap pemimpin apabila pemimpin Islam itu sendiri yang menjadi penguasa.

Kaedah hanyalah cara dan melaksanakan cara itu bagi sesebuah negara atau bagi sesuatu umat yang dipimpin ialah sikap 'mahu atau tidak' saja untuk kembali kepada al-Quran. Dan tentunya fenomena yang berlaku sekarang di mana-mana negara yang dikuasai oleh umat Islam melalui pemimpin mereka ialah pemimpin itu tidak ada keyakinan terhadap kaedah Islam dan al-Quran. Tidak ada keyakinan ini disebabkan tidak ada asas mengenai Islam dan pendidikan Islam kerana sepanjang hidupnya, budayanya, pengajian isme dan fahaman secara al-Quran tidak pernah dipelajari dan kerana tipisnya keyakinan terhadap al-Quran.

Pengajian dan pembelajaran mengenai al-Quran mahupun Islam adalah perkara luaran yang boleh dicapai oleh sesiapa saja. Tetapi dalam kaedah menjiwai dan penghayatan al-Quran/Islam ia bukan perkara sebarangan dan boleh diborong atau pukul rata sekalipun mereka pakar dan mempunyai keserjanaan dalam ilmu al-Quran. Sebaliknya iman!

Melakukan kaedah kembali kepada al-Quran memerlukan tarbiyah akidah dan tarbiyah kejituan wahyu yang disampaikan oleh Nabi Muhammad. Selain itu, tidak pula ada intipati iman mengenai Islam iaitu bagi orang yang benar-benar beriman dengan Allah dia tidak akan banyak berdolak-dalik sebaliknya mengambil sikap, Sami' na Wa'ato' na. Hal inilah sebenarnya tidak ada pada kebanyakan pemimpin negara Islam untuk mengajak mereka kembali kepada kaedah praktikal. Kebenaran al-Quran diakui tetapi tidak ada rasa ketakwaan sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Oleh itu, bukan masanya lagi kita memberi alasan apabila tidak kembali kepada al-Quran kerana umat Islam melepas ajaran tauhid yang sebenar, berpecah mengikut puak dan memecah ilmu agama dan mengabaikan ilmu dunia. Kembali kepada al-Quran bererti kita kembali kepada addin, seperti yang disaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Majlis

Perayaan Maulid baru-baru ini.

Mengajak dan mengharap umat Islam kembali kepada al-Quran bukan seperti kaedah mengajak anak muda menonton filem. Ia memerlukan kepemimpinan dan pemimpinlah yang menentukan. Maka sebab itu di dalam Islam ada sistem politiknya sendiri kerana dengan sistem politik sesebuah pemerintahan dan undang-undang ala Islam dapat ditegak.

Falsafah khalifah Allah di muka bumi tidak lain untuk kembali kepada ajaran al-Quran, maka terbentuklah sebuah negara supaya wujud khalifah. Tetapi jika tidak wujud khalifah Allah, bagaimana untuk kita kembali kepada al-Quran berdasarkan tata negara. Maka sebab itu kita lihat sekarang umat Islam menjadi umat yang hanya berpuasa, berzakat, bersolat dan fardu ain lain saja. Sebabnya hanya itulah yang dapat mereka lakukan kerana lebih daripada itu bukan tanggungjawab mereka sebaliknya tanggungjawab khalifah, pemimpin, umarak kerana di tangan mereka inilah ada kuasa.

Kembali kepada al-Quran mestilah kembalikan dulu pemimpin, umarak kepada al-Quran. Saya ingin membawa contoh yang selama ini kita jarang sedar. Mengajak kembali rakyat kepada budaya tidak membuang sampah, undang-undang digubal dan dikuatkuasa. Undang-undang lalu lintas diwartakan untuk mengelak kemalangan. Adakah semua rakyat memahami undang-undang itu? Tidak! Malah ada yang terpinga-pinga bila didenda kerana melakukan kesalahan. Tetapi mengapa rakyat mesti patuh? Jawabnya kerana ada pihak yang berkuasa mahukan begitu maka jadilah begitu.

Soalnya kebanyakan negara Islam tidak mahu kembali kepada al-Quran. Mereka dibuai dengan ketakutan kemuliaan al-Quran sehingga kita tidak berani menjalankannya kerana takut tersilap. Yang sebenarnya itu hanya alasan. Kenapa kita takut kepada kesilapan pada hal kita mampu memperbaikinya. Pada hal kita terang-terang berani membuat kesilapan dan dari semasa ke semasa pertahankan pula kesilapan itu?

Kalau sudah ada di kalangan pemimpin yang berkuasa, seperti Kasim telah yakin sekian lama mengenai sistem ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan dan pembangunan intelek yang sudah ada dan boleh mendapat petunjuk daripada al-Quran, apa masalah lagi? Bukankah ia terjawab antara mahu dengan tidak saja?

Mengharapkan semua umat Islam kembali kepada al-Quran, rasanya hingga hari kiamat pun tidak akan tercapai kerana itulah fitrah manusia. Tetapi menunaikan tanggungjawab ini daripada orang yang berkuasa, itulah harapan yang patut ditunaikan. Zaman pemerintahan Rasulullah, sahabat dan zaman kegemilangan Islam dulu, tidak juga semua umat Islam kembali kepada al-Quran. Berapa ramai yang membantah, memberontak dan mempertikai. Tetapi oleh kerana pemimpin Islam ketika itu mahukan kepada al-Quran kerana dalam diri mereka ada keimanan yang jitu dan mereka golongan Sami'na Wa ato'na (Kami dengar dan kami patuh) maka ajaran al-Quran itu dapat dijalankan.

Begitulah saya melihat bagaimana cara kita hendak kembali kepada al-Quran dan bukannya melihat tidak mahu kembali kepada al-Quran ini kerana rentetan dan alasan bersifat klasik. Jika al-Quran kita menganggap sebagai puncak rujukan dan pegangan, maka pemimpin juga mestilah dianggap sebagai orang yang paling bertanggungjawab memimpin umat ke arah itu.

(END)